

22 JUN 1996

Muhyiddin-Cuti

SWASTA DIMINTA LEPASKAN KAKITANGAN SERTAI PROGRAM BELIA

KAMPUNG GAJAH, 22 Jun (Bernama) -- Sebahagian besar syarikat swasta di negara ini keberatan untuk melepaskan kakitangan mereka menyertai program belia dan sukan menyebabkan pekerja terpaksa mengorbankan cuti tahunan.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata ada pengurusan syarikat yang beranggapan meluluskan cuti tersebut akan mengurangkan produktiviti syarikat tanpa memahami bahawa program itu ialah untuk pembangunan kemanusiaan.

"Masalah itu sudah berlarutan dan untuk memperbaiki keadaan, kementerian bercadang memanggil majikan sektor swasta untuk diberi penerangan jelas mengenai program-program yang dirancang untuk golongan belia," katanya kepada pemberita selepas merasmikan konvensyen kepimpinan belia perdana peringkat negeri di sini hari ini.

Muhyiddin berkata setakat ini hanya penerangan yang mampu dilakukan kerana tindakan tegas lain tidak boleh diambil kerana tiada undang-undang tertentu yang boleh digunakan untuk memaksa majikan melepaskan kakitangan untuk menyertai aktiviti belia.

Beliau berharap majlis penerangan sedemikian akan menyedarkan majikan agar bekerjasama dengan melepaskan kakitangan mereka bercuti tanpa rekod untuk menyertai program-program belia.

"Kerajaan menganjur aktiviti belia bertujuan meningkatkan bakat kepimpinan dan pengurusan individu dan persatuan yang akan membawa kebaikan kepada negara dalam jangka masa panjang," katanya.

Ketika ditanya mengenai kurangnya semangat sukarela di kalangan rakyat termasuk pertubuhan belia dan sukan, Muhyiddin berkata kementerian akan melancarkan program kesukarelaan Ogos ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir dijangka melancarkan program yang bertujuan memilih 30,000 tenaga sukarela dalam pelbagai bidang sosial.

"Kemuncak pembabitatan tenaga sukarela itu ialah bagi membantu perjalanan Sukan Komanwel pada tahun 1998," katanya.

Bagi tujuan pelancaran, kementerian mahu mendaftar 50,000 orang daripada pelbagai keturunan dan pekerjaan dan mereka akan diberi kursus dalam bidang keselamatan, protokol serta katering di beberapa universiti tempatan. -- BERNAMA

KY MAI